

**AKHBAR : BERITA HARIAN**  
**MUKA SURAT : 7**  
**RUANGAN : NASIONAL**

Penularan COVID-19

# Pesakit pulih cecah 49.7 peratus

202 sembuh semalam, atasi 170 kes baharu

**Kuala Lumpur:** Sebanyak 202 kes pulih dan dibenarkan discaj semalam, menjadikan jumlah kumulatif kes yang sembuh dan dibenarkan keluar hospital hampir separuh daripada bilangan keseluruhan kes, iaitu 49.7 peratus.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata jumlah kes sembuh setakat jam 12 tengah hari semalam juga melebihi jumlah kes baharu positif COVID-19 yang merekodkan 170 kes.

Katanya, dengan angka pulih semalam itu, menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 2,478 kes. Beliau berkata, peratusan pulih itu hampir separuh daripada keseluruhan dijangkiti COVID-19, iaitu 4,987 kes.

Selepas kes keseluruhan ditolak dengan kes discaj dan kematian, Dr Noor Hisham berkata, jumlah kes aktif dengan kebolehtangkitan COVID-19 adalah 2,427 kes. Menurut beliau, mereka diasingkan dan diberi rawatan. "Sehingga kini, 60 kes positif COVID-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU). Daripada jumlah terbabit, 33 kes memerlukan bantuan pernafasan," katanya pada sidang media hariannya di Putrajaya, semalam.




BHD TV



Dr Noor Hisham pada sidang media harian di Putrajaya, semalam.

(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)



## Kluster baharu di Sendayan

**Putrajaya:** Kementerian Kesihatan (KKM) mengesan satu kluster baharu penularan COVID-19 di Sendayan, Negeri Sembilan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata sehingga kini, 39 kes positif dikesan di kawasan itu.

"Ada penularan COVID-19 di Sendayan. Tindakan bersepadu sudah dan sedang dilaksanakan pihak kami di lapangan bagi membendung penularan COVID-19 di Sendayan.

"Setakat ini, 39 kes positif membabitkan 13 pelajar tahfiz, 15 ahli lembaga pengarah sebuah syarikat dan sebuah keluarga membabitkan 11 individu," katanya pada sidang media semalam.

Dr Noor Hisham berkata, 28 kluster penularan virus itu dikesan di negara ini dengan kluster perhimpunan tabligh di Seri Petaling adalah terbesar.

"Selain kluster perhimpunan di Seri Petaling, kluster yang lain disifatkan masih kecil," katanya.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, lima makmal baharu akan dibuka bagi meningkatkan kapasiti saringan Real-Time Reverse Transcription-Polymerase Chain Reaction (rRT-PCR).

Katanya, lima makmal itu dijangka dibina di Tawau dan Sandakan, Sabah; Miri dan Bintulu, Sarawak serta Kluang, Johor dalam tempoh terdekat.

Kini Malaysia mempunyai 43 makmal di seluruh negara yang mampu menampung kapasiti 11,500 saringan rRT-PCR.

"Lebih penting bagi kita untuk mengoptimumkan makmal kerana banyak kes belum selesai dan memerlukan sekurang-kurangnya enam jam. Jika kes bertambah jadi laporan akan lambat antara 24 hingga 48 jam," katanya.

## NGO kena dapatkan spesifikasi PPE

**Putrajaya:** Kementerian Kesihatan meminta orang ramai atau pertubuhan bukan kerajaan (NGO) mendapatkan garis panduan pakaian perlindungan peribadi (PPE) sebelum menjahit atau menghantar sumbangan berkenaan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata petugas kementerian akan memberi spesifikasi PPE itu supaya dibuat menggunakan bahan sesuai.

"Kita mengalu-alukan orang ramai yang ingin membuat sumbangan PPE kepada kementerian untuk digunakan oleh petugas barisan hadapan ketika mengendalikan pesakit COVID-19.

"Mereka yang ingin menyumbang, boleh hubungi kami untuk mengetahui garis panduan seperti bagaimana membuat PPE ber-

kenaan dan juga jenis bahan (kain) digunakan," katanya kepada sidang media harian COVID-19, di sini, semalam.

Kelmarin, Dr Noor Hisham mendedahkan bekalan PPE di negara ini hanya mampu bertahan dua minggu dan penggunaan alatan terbahit dilihat meningkat secara drastik antara tiga hingga 10 kali ganda, susulan penularan COVID-19 di seluruh negara.

Katanya, kekurangan PPE isu global dan ia secara tidak langsung kelengkapan berkenaan menjadi satu keperluan utama bagi petugas kesihatan barisan hadapan dalam menghadapi wabak itu.

Mengenai bekalan PPE kepada petugas barisan depan, Dr Noor

Hisham berkata, kementerian menjalankan proses perolehan secara pukal pada peringkat pusat dan negeri bagi memastikan stok peralatan itu dibekalkan secara berterusan.

Katanya, KKM juga bekerjasama rapat dengan Majlis Keselamatan Negara (MKN), Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dan agensi pusat lain bagi memastikan isu berkaitan stok dapat diberi perhatian

khususnya. "Bagi memantau rapat paras stok dan kadar penggunaan bagi setiap jenis PPE di setiap negeri, KKM menggunakan sistem pelaporan dan pangkalan data dalam talian yang mudah.

"Ia dikendalikan pegawai di setiap Jabatan Kesihatan Negeri



BHD TV



AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 13

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

# Malaysia Airlines sambung operasi ke Sabah, Sarawak

Perkhidmatan kargo tak pernah dihentikan sepanjang PKP

**Kuala Lumpur:** Malaysia Airlines akan menyambung semula operasi penerbangan ke Sabah dan Sarawak dengan kekerapan sekali seminggu dari Kuala Lumpur ke Kuching, Miri dan Kota Kinabalu, minggu ini.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Wee Ka Siong, berkata Malaysia Airlines akan memastikan penerbangan itu dihubungkan oleh MASwings bagi laluan Miri-Bintulu, Kuching-Sibu-Kuching dan Sibu-Bintulu.

Bagaimanapun, katanya perkhidmatan kargo Malaysia Airlines, khususnya membawa makanan dan keperluan perubatan ke Sarawak tidak pernah dihentikan sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Katanya, Kementerian Pengangkutan sebelum ini, tidak pernah mengarahkan syarikat penerbangan seperti Malaysia Airlines, AirAsia atau Malindo untuk menghentikan operasi penerbangan ke Sarawak dan Sabah.

"Penerbangan kargo ke Sarawak dan Sabah terus beroperasi dengan kekerapan tiga kali seminggu dari Kuala Lumpur ke Kuching, Kota Kinabalu dan Labuan.

"Dengan pengoperasian MASwings ini, pedalaman Sarawak

dan Sabah juga akan terus berhubung. Jika ada permintaan dan penambahan penumpang, MAS bersedia untuk menambah frekuensi penerbangan mereka.

"Mereka akan menambah lebih banyak penerbangan ke Kuching, Miri atau Kota Kinabalu, mulai minggu depan, jika permintaan meningkat dan Sarawak akan terus dihubungkan dengan Semenanjung," katanya dalam kenyataan.

Malaysia Airlines sebelum ini dilaporkan memberhentikan penerbangan ke Sabah dan Sarawak kerana menghadapi kerugian yang akan memberi implikasi lebih buruk jika diteruskan.

Malaysia Airlines turut mencatatkan penurunan mendadak jumlah penumpang antara 10 hingga 15 peratus, susulan penu-



Malaysia Airlines akan menyambung semula operasi penerbangan ke Sabah dan Sarawak dengan kekerapan sekali seminggu. (Foto hiasan)

laran COVID-19.

AirAsia Group Berhad dalam kenyataan sebelum ini, memaklumkan memberhentikan sementara operasi bagi penerbangan antarabangsa dan domestik, mulai 28 Mac lalu hingga 28 April ini.

Sementara itu, Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah pada sidang media harian di Putrajaya semalam, berkata setiap penumpang

akan menjalani saringan kesihatan sebelum menaiki pesawat dan selepas tiba di lokasi terbit.

"Kita kena saring penumpang sebelum menaiki pesawat dan ketika mereka tiba di destinasi. Kementerian Kesihatan akan pastikan saringan itu dibuat menggunakan pengimbas terma.

"Sekiranya demam, kita tidak galakkan individu terbit menaiki pesawat berkenaan," katanya.



AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : LOKAL

## Lelaki lebih ramai

**Kuala Lumpur:** Statistik kematian lelaki lebih ramai daripada wanita di Malaysia akibat Covid-19 disebabkan perhimpunan di Sri Petaling dan golongan itu lebih kerap berada di luar.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, 75 peratus kematian di Malaysia membabitkan lelaki manakala 25 peratus adalah wanita.

"Dalam perhimpunan Sri Petaling kebanyakan yang hadir adalah lelaki iaitu 33

peratus kematian di Malaysia terdiri daripada kuster itu.

"Faktor seterusnya lelaki lebih banyak aktiviti di luar dan terdedah dengan risiko jangkitan berbanding wanita," katanya dalam sidang media harian, semalam.

Menurutnya, hasil dapatan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) juga mendapati 50 peratus pesakit Covid-19 yang meninggal dunia di negara ini terdiri daripada mereka berusia 60 tahun ke atas.

## 202 kes pulih, discaj

**Putrajaya:** Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melaporkan terdapat 202 kes yang pulih Covid-19 dan dibenarkan discaj semalam.

Ini menjadikan jumlah kumulatif kes pulih sepenuhnya dan discaj daripada wad adalah 2,478 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, jumlah kumulatif pulih itu adalah 49.7 peratus iaitu hampir separuh daripada jumlah keseluruhan kes.

"Bilangan kes yang discaj adalah melebihi bilangan kes baharu yang dilapor-

kan. Hari ini (semalam) terdapat 170 kes baharu dilaporkan. Iri menjadikan jumlah kes positif Covid-19 di Malaysia adalah sebanyak 4,987 kes.

"Oleh itu, setelah kes kumulatif ditolak dengan kes discaj dan kematian, jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan Covid-19 adalah 2,427 kes," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media harian berkaitan Covid-19 di KKM Putrajaya, semalam.

Menurutnya, mereka yang aktif kebolehjangkitan Covid-19 itu sudah diasingkan dan diberi rawatan.

## Kesan kluster baharu

**Kuala Lumpur:** Satu lagi kluster baharu dikesan di Sendayan, Negeri Sembilan dengan 39 individu termasuk 11 sekeluarga dan 13 pelajar tahfiz disahkan positif Covid-19.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengambil tindakan bersepadu dan berharap wabak itu dapat dibendung dalam masa terdekat.

"Bagaimanapun, jemaah tabligh di perhimpunan Seri Petaling masih kekal sebagai kluster terbesar dengan 40 peratus.

Terdapat peningkatan kes mendadak di Negeri Sembilan disebabkan kius-

ter baharu ini apabila 39 orang disahkan positif Covid-19.

"Mereka terdiri daripada 13 pelajar tahfiz, satu keluarga merangkumi 11 orang dan 15 lembaga pengarah sebuah syarikat," katanya dalam sidang media harian semalam.

Menurutnya, tindakan sedang dilakukan KKM untuk membendung virus itu di Sendayan.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, seramai 572 individu sudah disaring di kawasan Masjid India selepas menjadi lokasi kelima dilaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) bermula hari ini.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : LOKAL



KAKITANGAN JKNS giat menjalankan ujian sampel Covid-19 di makmal.

## Sasar proses 4,600 sampel dalam 48 jam

**Kota Kinabalu:** Pasukan Khas Makmal Kesihatan Awam Kota Kinabalu menyasarkan 4,600 sampel untuk diproses dalam masa 48 jam.

Pengarah Kesihatan Negeri, Datuk Dr Christina Rundi berkata, 5,007 sampel siap diproses bagi tempoh 8 hingga 10 April lalu.

"Bagaimanapun, jumlah sampel sedia ada dijangka bertambah sekiranya ada kumpulan sasaran baharu yang dikenal pasti.

"Terkini, kami juga menjalankan ujian ke atas 1,390 sampel setakat kelmarin. Menerusi jumlah ini, 20 ujian menunjukkan keputusan positif termasuk enam sampel ulangan.

"Secara keseluruhannya, 21,750 sampel daripada 241,340 individu menjalani saringan pemeriksaan di Sabah," katanya melalui kenyataan di sini, kelmarin.

Dalam pada itu, Christina berkata, Tawau mencatatkan 79 kes Covid-19.

Beliau menyatakan berdasarkan analisis Jabatan Kesihatan Negeri Sabah (JKNS), 32 kes membabitkan perhimpunan tabligh Seri Petaling, 31 kes kontak ge-

nerasi pertama, dua kes generasi kedua dan satu kes generasi ketiga.

"Sembilan kes lagi melibatkan tiga individu hadir di perhimpunan tabligh di Sulawesi, Indonesia selain enam tabligh warga asing manakala dua kes ada sejarah perjalanan ke luar negara serta satu kes sporadik dengan satu kontak.

"Selain Tawau, Kota Kinabalu melaporkan 39 kes Covid-19 membabitkan sembilan kes hadir ke perhimpunan tabligh Seri Petaling.

"Melalui kes ini, 11 kes adalah kontak generasi pertama dan empat kes kontak generasi kedua.

"Di samping itu, 10 kes sporadik dilaporkan iaitu lapan kes melibatkan anggota kesihatan dan dua kes sporadik tempatan dengan satu kes generasi pertama. Ada satu kes yang mempunyai sejarah ke luar negara serta dua kes kontak generasi pertama.

"Dalam pada itu, satu kes adalah kontak generasi pertama kepada kes di Tuaran yang mempunyai sejarah perjalanan ke luar negara," katanya.



AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : LOKAL

## 200 penduduk diarah buat saringan

**Seremban:** Hampir 200 penduduk dari Taman Nusari Aman, Bandar Sri Sendayan di sini, diarah menjalani ujian saringan semalam selepas pihak berkuasa mengesan kluster baharu Covid-19.

Tinjauan di lokasi mendapati kakitangan Jabatan Kesihatan Daerah Seremban (JKDS) yang lengkap dengan pakaian perlindungan diri (PPE) menjalankan ujian saringan berkenaan.

Ujian berkenaan dijalankan di pekarangan Masjid Jamek Sheikh Haji Ahmad, Bandar Sri Sendayan.

Pasukan keselamatan termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM) turut memantau pelaksanaan ujian berkenaan.

Ujian saringan itu dipercayai bertujuan mengesan individu lain yang mung-



KAKITANGAN Jabatan Kesihatan Daerah Seremban membuat saringan ke atas penduduk Taman Nusari Aman, Bandar Sri Sendayan.

kin dijangkiti Covid-19 selepas terdapat kluster baharu membabitkan penga-

sas sebuah syarikat di Sendayan seperti yang dimaklumkan Ketua Pengarah

Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah ketika sidang medianya, semalam.



AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : LOKAL

Harian Metro | Rabu 15.04.2020

@hmetromy | HarianMetro | @hmetromy | www.hmetro.com.my

**lokal**

**Kuala Lumpur:** Zon merah Covid-19 kekal 26 daerah dengan Seremban merekodkan peningkatan mendadak sebanyak 41 jumlah kes positif, menurut Pusat Keselamatan dan Tindak Cepat Krisis Kebangsaan (CPRC) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Berdasarkan infografik CPRC KKM yang dikongsi di media sosial rasmi KKM, semalam, daerah berkenaan merekodkan 260 kes setakat jam 12 tengah hari kelmarin berbanding 219 kes sehari sebelum itu.

Selain itu, daerah Hulu Langat turut mencatatkan tambahan kes positif iaitu 419 kes berbanding 388 kes manakala kawasan Lembah Pantai meningkat daripada 496 kes kepada 515 kes.

Selangor masih mencatatkan bilangan kes positif Covid-19 tertinggi iaitu 1,249 kes manakala kes terendah

## Seremban catat peningkatan mendadak kes Covid-19



OPERASI PKP di sekitar Bandaraya Seremban menunjukkan pematuhan orang ramai terhadap PKP masih kurang apabila terdapat banyak kenderaan di jalan raya.

dengan masing-masing merekodkan satu kes di sembilan daerah iaitu Baling, Padang Terap, Bandar Bahru dan Sik di Kedah; Raub di Pahang serta Sri Aman, Ma-

tu, Mukah dan Lawas di Sarawak.

Zon merah mewakili jumlah

Selangor masih catat bilangan kes positif Covid-19 tertinggi

positif Covid-19 melebihi 41 kes, zon jingga (20-40 kes), zon



PENGUAT kuasa memeriksa surat kebenaran bekerja daripada majikan daripada pengguna yang memasuki Seremban.

kuning (1-19 kes) dan zon hijau tiada kes.

Antara kawasan yang menghampiri zon merah adalah Muar (40 kes) dan Kulai (37 kes) di Johor,

Dungun di Terengganu (37 kes), Seberang Perai Tengah di Pulau Pinang (38 kes), Kota Kinabalu dan Lahad Datu di Sabah (39 kes). - Bernama



AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

6

RABU 15 APRIL 2020 • SINAR HARIAN



## MEMERANGI WABAK COVID-19

# KKM pantau stok PPE setiap negeri

Dr Noor Hisham akui kekurangan PPE adalah isu global

PUTRAJAYA

**K**ementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memantau rapat paras stok dan kadar penggunaan bagi setiap jenis peralatan perlindungan diri (PPE) di setiap negeri.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, pemantauan itu dibuat menggunakan sistem pelaporan dan pangkalan data dalam talian yang mudah dikendalikan oleh pegawai di setiap Jabatan Kesihatan Negeri (JKN), hospital dan Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) termasuk semua klinik kesihatan di bawah PKD masing-masing.

"Laporan ini dipantau rapat dan tindakan mobilisasi stok akan dibuat.

"Senarai nama, nombor telefon dan e-mel pegawai bagi setiap negeri telah dimaklumkan bagi membantu kakitangan



Seorang lelaki Afghanistan sedang menjahit pakaian PPE di sebuah pusat latihan jahitan di Ampang semalam.

memberi maklum balas sekiranya didapati berlaku kekurangan PPE.

"Semakan segera dan tindakan mobilisasi akan dilakukan mengikut keperluan dan keutamaan," katanya pada sidang akhbar harian berkaitan Covid-19 di sini semalam yang antara lain turut memaklumkan tentang kelengkapan PPE petugas kesihatan.

Menjelaskan bahawa isu berkaitan kekurangan PPE ada-

lah isu global dengan hampir semua negara terkesan dengan penularan wabak koronavirus (Covid-19), Dr Noor Hisham berkata, penggunaan PPE di fasiliti KKM meningkat secara mendadak.

"Kelengkapan pelindung diri adalah satu keperluan utama bagi petugas kesihatan barisan hadapan dalam menghadapi wabak Covid-19," kata beliau.

Bagi memastikan stok PPE berterusan, Dr Noor Hisham

Status terkini stok dan jenis PPE digunakan petugas kesihatan dalam pengendalian kes Covid-19

- Footwear/boot cover  
Baki stok: 78 hari
- Protective head cover  
Baki stok: 52 hari
- Topeng muka jenis 3-ply mask  
Baki stok: 47 hari
- Topeng muka jenis surgical N-95 mask  
Baki stok: 37 hari
- Disposable Face Shield (eye visor, face shield or goggles)  
Baki stok: 25 hari
- Disposable Fluid Resistant Apron (Long Sleeves With Cuff)  
Baki stok: 23 hari
- Jumpsuit/ Protective Coverall  
Baki stok: 19 hari
- Gaun plastik biasa dan lain-lain jenis PPE

berkata, KKM telah dan sedang menjalankan proses perolehan PPE secara pembelian pukal di peringkat pusat dan peringkat negeri di samping mengalu-alukan sumbangan PPE oleh pihak swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan dermawan.

"KKM turut bekerjasama rapat dengan Majlis Keselamatan Negara (MKN), Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma) dan lain-lain agensi pusat bagi memastikan isu berkaitan stok ini dapat diberi perhatian khusus.

"Sumbangan PPE oleh pelbagai pihak swasta, NGO dan dermawan amat dialu-alukan," katanya.

Beliau berkata, bukan semua petugas kesihatan perlu memakai kesemua jenis PPE semasa mereka bertugas, sebaliknya ia dipakai mengikut keperluan bagi memastikan kadar dan pola penggunaan PPE di fasiliti kesihatan KKM.

"Setiap jenis PPE perlu dipakai mengikut keperluan di mana petugas kesihatan bertugas iaitu seperti yang dinyatakan dalam Garis Panduan Pengurusan Covid-19 di Malaysia No.5/2020 (Annex 8: The Infection Prevention And Control (IPC) Measures)," katanya.

Beliau berkata, KKM menyarankan penggunaan PPE dengan cermat dan berhemah oleh semua petugas kesihatan memandangkan ia digunakan secara berterusan. - Bernama

## E-Bazar langkah terbaik kurangkan jangkitan

**PUTRAJAYA** - Pelaksanaan e-Bazar merupakan langkah terbaik bagi mengelakkan perhimpunan pelanggan dalam usaha kerajaan memutuskan rantaian jangkitan koronavirus (Covid-19).

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), perkhidmatan penghantaran makanan atas talian meningkat sehingga 70 peratus.

"Bazar Ramadan bukan masalah. Isunya ialah kehadiran ramai pelanggan ke gerai jualan," katanya di sini semalam.

Menurutnya, peniaga perlu mengambil pendekatan berbeza daripada kebiasaan dengan menggunakan kecekapan teknologi.

"Kaedah e-Bazar lebih terkawal dengan penghantaran makanan ke rumah," kata beliau.

Kelmarin, Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, kerajaan tidak membenarkan bazar Ramadan diadakan pada tahun ini.

## 'Habiskan banyak masa di luar rumah jadi faktor penyumbang'

**PUTRAJAYA** - Menghabiskan banyak masa di luar rumah merupakan salah satu faktor penyumbang lebih ramai lelaki maut akibat pandemik koronavirus (Covid-19) di Malaysia.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, peningkatan kes kematian itu berkemungkinan disebabkan lelaki banyak melakukan aktiviti seperti menggalas tanggungjawab sebagai ketua keluarga.

"Kematian melibatkan lelaki di seluruh negara adalah sebanyak 75 peratus terdiri daripada lelaki," katanya di sini semalam.

Menurutnya, peserta menghadiri

### PENINGKATAN KEMATIAN GOLONGAN LELAKI

perhimpunan di Sri Petaling juga rata-ratanya lelaki.

"Sebanyak 50 peratus daripada 82 kematian melibatkan lelaki berumur 50 tahun ke atas yang mempunyai risiko imuniti badan yang rendah manakala 85 peratus daripadanya mempunyai penyakit kronik lain seperti kencing manis, darah tinggi dan jantung," kata beliau.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai faktor penyumbang kematian melibatkan lelaki.

Ia selari dengan kenyataan Pakar Perunding Perubatan dan Paru-paru, Sunway Medical Centre Velocity di



Muka depan akhbar Sinar Harian semalam.

Kuala Lumpur, Dr Nurul Yaqeen Mohd Esa yang berkata, lelaki yang banyak menghabiskan masa di luar rumah lebih berisiko mati akibat Covid-19.

## Lima makmal baharu dibina tingkat kapasiti ujian saringan Covid-19

**PUTRAJAYA** - Kerajaan akan membina lima makmal baharu bagi meningkatkan kapasiti ujian saringan Covid-19 di seluruh negara.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, pembinaan makmal tersebut akan dilakukan dalam masa terdekat.

"Lima lokasi telah dikenal pasti ia-

itu Sandakan dan Tawau di Sabah; Bintulu dan Miri di Sarawak serta Kluang, Johor," katanya di sini semalam.

Menurutnya, jumlah itu akan menjadikan keseluruhan makmal Covid-19 sebanyak 48 buah di seluruh negara.

"Buat permulaan, kita ingin meningkatkan ujian Polymerase Chain Reaction (PCR) kepada 16,500 sehari.

Hari ini (semalam) keupayaan kita untuk 43 makmal sedia ada adalah 11,500," katanya.

Beliau berkata, banyak kes belum selesai berikutan kaedah Real-Time Reverse Transcription-Polymerase Chain Reaction (rRT-PCR) (ujian Covid-19) memakan masa sekurang-kurangnya enam jam.



AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : NASIONAL

SINAR HARIAN • RABU 15 APRIL 2020

**N**ASIONAL

7

# 49.7 peratus kes disahkan pulih

Lima kematian dicatatkan melibatkan empat lelaki dan seorang perempuan

Oleh **TUAN BUQHAIRAH**  
**TUAN MUHAMAD ADNAN**

**PUTRAJAYA**

Situasi pandemik koronavirus (Covid-19) di Malaysia merekodkan perkembangan baik apabila jumlah pesakit yang pulih sepenuhnya dan dibenarkan discaj dari wad telah mencapai jumlah kumulatif 2,478 orang iaitu 49.7 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, jumlah pesakit yang pulih sepenuhnya semalam seramai 202 orang juga melebihi jumlah kes positif baharu iaitu 170 kes yang direkodkan sehingga jam 12 tengah hari menjadikan jumlah kes positif Covid-19 sebanyak 4,987 kes.

"Setelah kes kumulatif ditolak dengan kes discaj dan kematian, jumlah kes aktif dengan



Dr Noor Hisham bercakap pada sidang akhbar harian berkaitan jangkitan Covid-19 di Kementerian Kesihatan, Putrajaya semalam.

kebolehhangkitan Covid-19 adalah 2,427 kes. Mereka telah diasingkan dan diberi rawatan," katanya pada sidang akhbar harian perkembangan Covid-19 di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di sini semalam. Dr Noor Hisham berkata, setakat ini terdapat pertambahan lima kes kematian menjadikan jumlah kumulatif sebanyak

82 kematian akibat Covid-19. Beliau berkata, ia menjadikan kes kematian-akibat Covid-19 adalah 1.64 peratus daripada jumlah keseluruhan kes. "Seorang lelaki dipercayai warga asing tanpa identiti yang ditemukan mati di Kota Kinabalu, Sabah disahkan positif Covid-19. "Keputusan ujian sampel

## Kluster Sendayan dikenal pasti

**PUTRAJAYA** - Sebanyak 39 kes positif Covid-19 dikesan di Sendayan, Negeri Sembilan melibatkan 13 pelajar tahfiz, sekumpulan 15 individu dan 11 orang daripada sebuah keluarga.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, tindakan bersepadu telah dan sedang dilaksanakan di lapangan bagi membendung penularan Covid-19 di Sendayan.

Jelasnya, 28 kluster penularan virus itu dikesan di Malaysia dengan kluster perhimpunan di Sri Petaling, Kuala Lumpur adalah yang terbesar. "Selain kluster perhimpunan di Sri Petaling, kluster yang lain disifatkan masih kecil," katanya.

Ditanya sekiranya ada kes baharu Masjid India dan kawasan sekitar Kuala Lumpur, beliau berkata setakat ini 573 sampel telah diambil.

"Di Masjid India, tiada kes baharu tapi kita telah mulakan tindakan, malah Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) dilaksanakan," jelasnya.

PKPD turut dikenakan di Jalan Munshi Abdullah, Jalan Dang Wangi, Jalan Tuanku Abdul Rahman, Jalan Tun Perak, Jalan Melaka dan Jalan Ampang.

Covid-19 yang diambil pada 11 April mendapati lelaki yang ditemui mati pada 6 April itu dijangkiti wabak berkenaan.


"Kes itu di bawah siasatan pihak Polis Diraja Malaysia," katanya.

Selain itu, empat lagi kematian direkodkan semalam menjadikan jumlah kumulatif meningkat kepada 82 kes.

Beliau berkata, kes pulih menghampiri separuh daripada keseluruhan kes positif apabila KKM mencatatkan 202 pesakit pulih dan dibenarkan pulang semalam.

"Seramai 60 kes pula sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dan 33 daripadanya memerlukan bantuan pernafasan," katanya.

## SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM





AKHBAR : SINAR HARIAN  
 MUKA SURAT : 16  
 RUANGAN : SUARA SINAR

RABU 15 APRIL 2020 • SINAR HARIAN

## Menanti sifar kematian



ANALISIS  
 MUKA 16

TUAN BUQHAIRAH TUAN  
 MUHAMAD ADNAN

**S**ewaktu melaporkan gelombang pertama wabak Covid-19 yang bermula pada penghujung Januari lalu, saya tidak pernah menyangka akan menyaksikan virus jahat itu tersebar ke hampir seluruh 329,847 kilometer persegi bumi Malaysia dalam masa yang begitu cepat.

Kedaaan menjadi ketara selepas gelombang kedua bermula apabila pesakit ke-26 disahkan dijangkiti sedangkan Malaysia sebelum itu bebas daripada kes baharu positif Covid-19 selama 11 hari berturut-turut.

Selepas itu, angka kes baharu jangkitan terus melonjak setiap hari. Semalam, lima lagi kematian dicatatkan menjadikan angka korban Covid-19 di negara ini meningkat kepada 82 orang. Sebanyak 4,987 kes positif wabak itu dicatatkan setakat semalam.

Bagi saya yang merakamkan perkembangan wabak itu menerusi sidang akhbar di Putrajaya, dari hari ke hari dan detik ke detik, lebih merasai debarannya. Saya melihat bagaimana kakitangan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) berterusan memerah keringat dan berganding bahu merancang serta menyusun strategi bagi memerangi virus ini.

Ketika KKM bersiap sedia untuk menghadapi gelombang kedua Covid-19 yang disangkakan diimport daripada pelancong tempatan yang bercuti ke luar negara, perhimpunan tabligh di Masjid Sri Petaling, Kuala Lumpur dan perhimpunan gereja di Kuching, Sarawak meletus umpama bom jangka yang tidak diduga.

Sekali lagi warga KKM berdepan ujian getir bagi mengekang penularannya.

Masakan tidak, kerja-kerja melawan virus ini ibarat memerangi musuh yang tidak nampak dengan mata tertutup. Menyukarkan lagi tugas KKM adalah untuk mencari jalan bagaimana menyekat penularan wabak oleh pesakit yang tidak mempunyai simptom.

Setiap kematian yang diumumkan menyebabkan perasaan bercampur baur. Misalnya, ucapan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba pada sidang akhbar yang berbunyi, "dukacitanya dimaklumkan bahawa terdapat kematian dilaporkan kepada Pusat Ke-siapsiagaan dan Tindak Cepat (CPRC) Kebangsaan..." sudah cukup untuk meruntun hati.

Terasa bulu roma tegak berdiri mengiringi khabar duka. Sedih dan terkejut sudah pasti walaupun mereka bukan darah daging saya. Tapi sebagai rakyat yang didik dengan nilai patriotisme, ia memberi kesan duka di dalam hati.

